

# Inflasi: Dr. M saran pengguna boikot barang terlalu mahal ①

KUALA LUMPUR 8 Dis. — Para pengguna mesti memainkan peranan dengan memboikot barang yang terlalu tinggi harganya untuk membendung inflasi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Serentak dengan itu Perdana Menteri meminta persatuan-persatuan pengguna membetulkan haluan perjuangannya dengan menumpukan perhatian kepada usaha membela nasib para pengguna.

Katanya, jika persatuan pengguna menumpukan kepada soal pengguna dan mengadakan kempen tidak membeli barang yang tidak berpatutan kadar inflasi akan dapat dibendung.

"Rakyat juga akan mendapat nikmat yang banyak kerana wang yang ada pada mereka boleh membeli lebih banyak barang. Jadi rakyat mendapat keuntungan daripada peranan mereka membendung inflasi," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam rancangan RTM **Bersama Perdana** Menteri yang disiarkan malam ini bila ditimbulkan masalah kebanyakan pihak menganggap kerajaan sahaja yang patut mengawal inflasi dan pengguna tidak boleh.

Menyentuh tentang persatuan-persatuan pengguna, Dr. Mahathir berkata, sekali-kali mereka memainkan peranan tetapi kadang-kadang mereka berminat untuk berpolitik, membuat tekanan atau sengaja menumpukan kepada kesalahan kerajaan dan macam-macam lagi yang menjadi perkara popular.

Menurutnya, dalam mengawal inflasi kerajaan dan pengguna mempunyai peranan.

"Kita tidak boleh menyerahkan kepada 'market forces', iaitu pengguna kalau dia berasa harga itu mahal maka dia tidak akan membeli.

"Kadang-kadang pengguna walaupun mahal dia beli juga. Ada yang terpaksa dia beli juga," katanya.

Beliau menjelaskan, atas sebab ini kerajaan mengambil tindakan untuk memeriksa tiap-tiap kedai bagi menentukan harga barang diturunkan setelah cukai dikurangkan.

"Biasanya pekedai ada saja alasan. Bila cukai diturunkan dia terus jual pada harga lama. Bila cukai naik dia kenakan harga baru serta-merta, walaupun barang yang dijual itu sudah lama dibeli," ujarinya.